

Frequently Asked Questions

Program Khas Lepas Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2014

1. Bagaimanakah cara untuk saya memohon Program Khas Lepas Sijil Pelajaran Malaysia?

Permohonan hanya boleh dibuat secara atas talian (*online*) melalui laman web rasmi MARA <http://www.mara.gov.my>.

2. Berapa lamakah tempoh permohonan?

Seperti yang diiklankan, permohonan dibuka selama 7 hari mulai 4 – 10 Mac 2015.

3. Bagaimanakah cara sekiranya saya terlepas peluang untuk memohon permohonan tersebut?

Tiada cara yang lain. Permohonan hanya boleh dibuat melalui *URL / LINK* khas yang diberikan dan ianya hanya boleh dibuat dalam tempoh masa yang ditetapkan sahaja.

4. Apakah kursus-kursus yang ditawarkan oleh MARA?

Kursus-kursus yang ditawarkan oleh MARA adalah kursus-kursus yang berkaitan dengan *Science, Technology, Engineering* dan *Mathematics* (STEM).

5. Di manakah boleh saya dapatkan syarat dan senarai kursus yang ditawarkan oleh MARA?

Sila rujuk lampiran program pada iklan penuh yang boleh didapati di dalam laman web rasmi MARA <http://www.mara.gov.my>.

6. Saya mendapat 8A+ dan 1C di dalam Sijil Pelajaran Malaysia 2014 yang baru diumumkan. Adakah saya layak memohon Program Khas Lepas Sijil Pelajaran Malaysia yang dianjurkan MARA pada 2015?

Bagi program persediaan sambungan ke peringkat Ijazah Pertama (Program Ijazah Luar Negara / Program Ijazah Dalam Negara), syarat asas menetapkan pelajar tidak boleh mendapat C dalam mana-mana subjek utama.

7. Bolehkah saya memohon kedua-dua penaja iaitu MARA dan JPA semasa permohonan?

Tidak boleh. Pemohon hanya boleh memohon salah satu penaja sahaja, samada MARA ataupun JPA. MARA dan JPA menggunakan sistem permohonan yang sama. Jika sudah memohon ke 1 penaja (MARA/JPA), secara automatik sistem tidak akan membenarkan pemohon membuat permohonan ke penaja berikutnya.

8. Bagaimanakah dengan penaja lain seperti Bank Negara, Petronas, Sime Darby dan sebagainya?

Selain MARA atau pun JPA, pemohon bebas memohon kepada penaja-penaja lain.

9. Berapakah jumlah pinjaman yang diberi?

Bergantung kepada kadar yuran pengajian yang ditetapkan oleh universiti berserta elaun-elaun yang ditetapkan oleh MARA.

10. Bila saya perlu membayar balik pinjaman?

Pembayaran balik pinjaman adalah setahun selepas tamat tempoh tajaan.

11. Bila permohonan ditutup?

Permohonan akan ditutup pada 10 Mac 2015 jam 12.00 tengah malam.

12. Adakah saya perlu menduduki ujian saringan/temuduga?

Sila layari laman web rasmi MARA dari semasa ke semasa bagi mengetahui pengumuman tersebut.

13. Selepas saya memohon, saya dapati saya tidak perlu menghantar apa-apa dokumen atau pun borang permohonan. Kenapa?

Hanya pelajar yang disenarai pendek akan dipanggil temuduga. Permohonan yang Berjaya sahaja akan di minta untuk menghantar borang permohonan dan juga lain-lain dokumen berkaitan.

14. Bilakah saya boleh membuat semakan keputusan penempatan ke program ini?

Semakan boleh dibuat mulai 8 Mei 2015 di laman web rasmi MARA <http://www.mara.gov.my>

15. Bagaimanakah cara untuk saya menghubungi MARA sekiranya ada sebarang pertanyaan?

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh menghubungi seperti berikut:-

Telefon : 03-261 32101 / 32108 / 32098 / 32065

Waktu urusan : 9.00 pagi hingga 5.00 petang

Email : postspm2015@mara.gov.my

Facebook : Postspm2015